



**JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

**GARIS PANDUAN  
PELAKSANAAN MAJLIS AKAD NIKAH DALAM  
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN**

**EDISI KEMASKINI  
7 FEBRUARI 2021**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MAJLIS AKAD NIKAH  
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN**

**1. PUNCA KUASA**

- (a) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).
- (b) Kaedah-Kaedah Keluarga Islam (Borang dan Fee) 1987.
- (c) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- (d) Arahan semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**2. PELANJUTAN TEMPOH SURAT KEBENARAN BERKAHWIN**

Surat Kebenaran Berkahwin yang telah tamat dalam tempoh PKP ini akan dilanjutkan dua (2) bulan bermula dari tarikh kebenaran berakhir. Pemohon hendaklah hadir semula ke JAWI untuk membuat penyambungan tempoh sah Kebenaran Berkahwin.

**3. SYARAT-SYARAT UMUM**

Syarat-syarat umum yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) Pelaksanaan Majlis Akad Nikah dalam tempoh PKP dibenarkan kepada pasangan yang telah mendapat Kebenaran Berkahwin daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI);

- (b) Majlis akad nikah juga diperluaskan kepada pemohon luar Wilayah Persekutuan yang telah mendapat kebenaran JAIN masing-masing;
- (c) Pasangan dari Negeri lain yang telah mendapat kebenaran nikah JAWI dan ditangguhkan sebelum ini juga boleh menjalankan akad nikah; dan
- (d) Keputusan Saringan Ujian HIV kedua-dua pasangan masih dalam tempoh sahlaku semasa akad nikah dijalankan.

#### 4. SYARAT-SYARAT KHUSUS

Syarat-syarat khusus yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) Pihak yang terlibat hendaklah membuat **janji temu** dengan **JAWI Kuala Lumpur, Cawangan Putrajaya dan Cawangan Labuan** terlebih dahulu bagi mendapatkan tarikh dan waktu akad nikah.
- (b) Pihak yang terlibat dalam majlis akad nikah mestilah:
  - (i) tidak mempunyai gejala;
  - (ii) bukan kontak rapat kes positif Covid-19 atau yang di bawah Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Di Rumah (HSO);
  - (iii) bukan dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD); dan
  - (iv) pengantin lelaki, pengantin perempuan dan wali adalah **diwajibkan** untuk menjalani 'swab test' terlebih dahulu. Keputusan ujian yang disahkan *negative* hendaklah diserahkan kepada JAWI sebagai bukti untuk membolehkan majlis akad nikah diadakan.
- (c) Pihak yang terlibat hendaklah menjalani saringan di pintu masuk iaitu:
  - (i) Membuat pemeriksaan suhu badan;
  - (ii) Suhu badan melebihi 37.5° Celsius atau bergejala tidak dibenarkan masuk;

- (iii) Mendaftarkan kehadiran menggunakan imbasan QR code melalui aplikasi MySejahtera atau merekodkan kehadiran di dalam buku kehadiran yang disediakan; dan
  - (iv) Memakai pelitup muka (*face mask*) dan menggunakan pembersih tangan (*hand sanitizer*).
- (d) Pihak-pihak yang terlibat perlu mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan lain-lain agensi penguatkuasaan berhubung kawalan penularan wabak penyakit.

## 5. TEMPAT, WAKTU DAN TEMPOH MASA MAJLIS AKAD NIKAH

### 5.1. Tempat Akad Nikah

Majlis akad nikah adalah **dibenarkan** di tempat-tempat berikut:

- (a) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Cawangan Putrajaya dan Cawangan Labuan; dan
- (b) Masjid-masjid kariah dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Sanitasi ruang majlis dan kawasan sekitarnya hendaklah dilakukan termasuk tandas sebelum dan selepas majlis dijalankan.

### 5.2. Waktu Akad Nikah

Pihak-pihak yang terlibat mestilah:

- (a) Mematuhi tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh Pendaftar/ Penolong Pendaftar NCR; dan

- (b) Pendaftar/ Penolong Pendaftar NCR **boleh membatalkan** majlis akad nikah tersebut sekiranya pihak-pihak terlibat gagal hadir pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

### 5.3. Tempoh Masa Akad Nikah

Tempoh masa perjalanan keseluruhan majlis akad nikah hendaklah tidak melebihi **20 minit**.

## 6. KEHADIRAN DAN SUSUN ATUR MAJLIS AKAD NIKAH

### 6.1. Kehadiran Ke Majlis Akad Nikah

- (a) Kehadiran ke majlis akad nikah di **JAWI** bagi kedua-dua pasangan pengantin dari Wilayah-Wilayah Persekutuan hanya dibenarkan seramai **lima (5) orang** iaitu pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali dan dua (2) orang wakil dari kedua-dua pihak pengantin. Jurunikah dan dua (2) orang saksi adalah dari pihak JAWI;
- (b) Kehadiran pasangan pengantin **dari negeri luar** yang berada dalam zon merah ke majlis akad nikah di JAWI juga dihadkan kepada **lima (5) orang** sahaja iaitu pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali dan dua (2) orang wakil dari kedua-dua pihak pengantin;
- (c) Kehadiran ke majlis akad nikah di **masjid-masjid** dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan hanya dibenarkan seramai **lima (5) orang** iaitu pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali dan dua (2) orang wakil dari kedua-dua pihak pengantin. Jurunikah dan dua (2) orang saksi adalah dari pihak masjid; dan
- (d) Hanya **satu (1) orang Jurufoto dibenarkan** dan hendaklah mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

## **6.2. Susun Atur Majlis Akad Nikah**

- (a) Susun atur majlis akad nikah hendaklah mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.
- (b) Tidak dibenarkan berjabat tangan antara jurunikah dengan pengantin lelaki serta antara semua pihak yang terlibat dalam majlis akad nikah.

## **7. DOKUMEN DAN PERALATAN YANG DIBENARKAN DALAM MAJLIS**

Hanya mas kahwin dan dokumen-dokumen yang berkaitan sahaja dibenarkan berada di dalam ruang majlis.

## **8. PEMATUHAN TERHADAP TATACARA PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19**

- 8.1. Pendaftar atau Penolong Pendaftar NCR hendaklah memastikan semua pihak yang terlibat tiada gejala Covid-19;
- 8.2. Mempraktikkan amalan sanitasi kebersihan yang optimum pada masa majlis akad dengan terlebih dahulu mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*);
- 8.3. Memakai pelitup muka (*face mask*) semasa majlis akad nikah;
- 8.4. Mempraktikkan penjarakan fizikal (*social distancing*) sekurang-kurangnya satu (1) meter bagi setiap orang yang hadir dalam majlis akad nikah;
- 8.5. Tidak dibenarkan sebarang upacara seperti upacara membatalkan air sembahyang, sarung cincin, bersalaman antara satu sama lain selepas Majlis Akad Nikah; dan

86. Mematuhi langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan oleh MKN dan Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

**9. BIDANG KUASA KETUA PENDAFTAR NCR WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN**

9.1. Ketua Pendaftar NCR boleh menetapkan apa-apa syarat tambahan yang difikirkan perlu bagi membolehkan majlis berjalan dengan lancar dan teratur.

9.2. Ketua Pendaftar NCR boleh membatalkan mana-mana majlis akad nikah yang tidak mematuhi tatacara majlis akad nikah yang telah ditetapkan atau apa juga arahan yang diberikan dari semasa ke semasa.

**10. PEMATUHAN TERHADAP PENGUATKUASAAN PKP**

101. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk pasangan pengantin, ahli keluarga dan tetamu yang hadir untuk mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan JAWI. Kegagalan mematuhi SOP yang telah ditetapkan **boleh menyebabkan semua yang terlibat dikenakan tindakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).**

102. JAWI tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat pihak-pihak yang terlibat dalam majlis akad nikah tidak mematuhi SOP yang telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia.

103. Kebenaran Berkahwin yang dikeluarkan oleh JAWI/ JAIN tidak boleh dijadikan **dokumen jaminan bagi kebenaran rentas negeri**. Kebenaran rentas negeri adalah tertakluk di bawah bidangkuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

## **11. PEMBATALAN/ PINDAAN ARAHAN BERKAITAN URUSAN PERKAHWINAN DALAM TEMPOH PKP**

11.1. Garis Panduan Majlis Akad Nikah Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini akan berkuatkuasa seiring dengan pelaksanaan tempoh PKP yang telah diumumkan oleh pihak Kerajaan.

11.2. Arahan-arahan berkaitan urusan perkahwinan, perceraian dan ruju' yang melibatkan Akad Nikah Secara Sidang Video yang dikeluarkan oleh JAWI pada 17 April 2020 (JAWI.BPPK.(PKP)4/2020) adalah **DITANGGUHKAN**.

## **12. TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN**

Tarikh kuatkuasa garis panduan ini adalah pada **08 Februari 2021** dan sehingga kepada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan.

## **13. PENUTUP**

Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan  
08 Februari 2021